



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK KEMALANGAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN NEGARA 2022 SEMPENA SEMINAR DAN PAMERAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

PENCAPAIAN KADAR KECEDARAAN PEKERJAAN MENCAPAI SASARAN YANG DITETAPKAN DI DALAM PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA UNTUK TAHUN 2022

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Majlis Negara Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP), selaku badan yang bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasa perundangan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, pada hari ini telah membuat pengumuman rasmi Statistik Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Negara bagi tahun 2022 sempena majlis perasmian Seminar dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan 2023.
2. Kadar kecederaan pekerja, kadar kecederaan maut dan jumlah pelaporan penyakit pekerjaan merupakan tiga indikator utama yang menunjukkan pencapaian tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di Malaysia yang dinyatakan di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021 – 2025 (OSHMP25).
3. Statistik Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Negara dijana berdasarkan analisis komprehensif daripada data kemalangan pekerjaan di sektor awam dan swasta yang diperolehi daripada empat (4) agensi sumber yang relevan iaitu JKPP, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), data Skim Ex-Gratia Bencana

Kerja daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kewangan (MOF). Manakala data pelaporan penyakit pekerjaan berdasarkan kes yang dilaporkan kepada JKKP.

4. Pada tahun 2022, sebanyak 34,216 kes kecederaan pekerjaan telah direkodkan di seluruh Malaysia, di mana 317 daripadanya adalah kes maut. Ini menjadikan kadar kecederaan pekerjaan di Malaysia pada tahun 2022, ialah 2.22 bagi setiap 1,000 pekerja, berbanding sasaran tidak melebihi 2.42. Manakala, kadar kecederaan maut pekerjaan pula adalah 2.06 setiap 100,000 pada tahun 2022, berbanding sasaran tidak melebihi 3.38 yang ditetapkan di dalam OSHMP25.
5. Bagi tempoh sedekad yang lalu, kadar kecederaan pekerjaan 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 33%, berbanding 3.31 setiap 1,000 pekerja pada tahun 2012. Manakala, kadar kecederaan maut pekerjaan 2022 pula berkurang sebanyak 56%, berbanding 4.64 setiap 100,000 pekerja pada tahun 2012.
6. Manakala dalam aspek kesihatan pekerjaan, Kementerian menerusi JKKP dan MNKKP berusaha ke arah meningkatkan kesedaran majikan, pekerja dan pengamal perubatan termasuk untuk melaporkan kes-kes penyakit dan keracunan di tempat kerja.
7. Selaras dengan sasaran Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2025 iaitu untuk meningkatkan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan kepada JKKP sebanyak 30% menjelang tahun 2025, JKKP telah menerima 10,707 pelaporan kes penyakit dan keracunan pekerjaan pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 18% berbanding tahun 2020.
8. Peningkatan kesedaran berkaitan pelaporan penyakit pekerjaan ini adalah antara lain disumbangkan oleh peningkatan bilangan Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) yang aktif di Malaysia iaitu daripada 656 pada tahun 2012 kepada 1,112 pada tahun 2022. Selain itu, berdasarkan siasatan yang telah dijalankan, sebanyak 7,143 kes telah disahkan sebagai penyakit pekerjaan pada tahun 2022.

9. Berdasarkan statistik di atas, kesemua indikator prestasi utama ditetapkan dalam OSHMP25 bagi tahun 2022 berjaya dicapai. Pencapaian ini merupakan keberhasilan daripada usaha bersinergi semua pemegang taruh termasuk Kerajaan, majikan, pekerja, pengamal KKP, persatuan dan badan bukan kerajaan.
10. Justeru, JKPP dan MNKKP menyeru agar komitmen berterusan daripada semua pihak yang terlibat bagi memastikan kesejahteraan pekerja yang merupakan pemangkin wadah Malaysia Madani terpelihara.
11. Butiran lanjut Statistik Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Negara 2022 ini boleh diakses menerusi laman web JKPP iaitu di pautan www.dosh.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
26 SEPTEMBER 2023**